

04 OCT 2001
PROSPER-PUNB
USAHAWAN PROSPER AKAN BERTAMBAH

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Skim Prosper telah melahirkan 81 usahawan bumiputera berkualiti dalam bidang pelbagai subsektor peruncitan sehingga kini yang melibatkan jumlah pelaburan RM24 juta dan bilangan itu dijangka mencecah kepada 350 orang pada hujung tahun depan.

Minat yang mendalam yang ditunjukkan oleh bakal-bakal usahawan untuk menyertai skim keusahawanan itu akan membuka peluang kepada kerajaan untuk mencungkil dan mengesan usahawan yang berkualiti.

Prosper atau "Projek Usahawan Bumiputera Dalam Bidang Peruncitan" ialah projek khas yang diperkenalkan kerajaan untuk meningkatkan penyertaan bumiputera dalam perniagaan runcit.

Secara purata sebanyak 350 bakal usahawan bumiputera akan berdaftar setiap bulan bagi menyertai skim itu, kata ketua pegawai eksekutif Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB) Mohd Nasir Ahmad.

Sejak skim itu diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 2 Ogos tahun lalu, lebih 11,000 orang telah mendaftar diri untuk menyertai skim itu, katanya.

Daripada jumlah itu, 81 permohonan dalam pelbagai subsektor perniagaan peruncitan telah diluluskan dengan 40 projek telah beroperasi.

Daripada jumlah yang telah diluluskan itu, kira-kira 90 peratus daripada peruncit itu berada di lokasi bandar dan pinggir bandar, katanya pada sidang media selepas majlis menandatangani perjanjian antara PUNB dan Accountants Online Sdn Bhd hari ini.

Accountants Online menyediakan perkhidmatan aplikasi kewangan untuk kemudahan sistem perakaunan untuk semua usahawan Prosper.

Ditanya mengapa bilangan usahawan kelahiran Prosper masih sedikit, penasihat ekonomi kepada Perdana Menteri mengenai hal ehwal kewangan Tan Sri Nor Mohamed Yakcop berkata ia mungkin berpunca di peringkat permulaan skim Prosper itu yang perlu mengambil masa untuk penyediaan aspek infrastuktur dan logistik.

Bagaimanapun beliau percaya dengan sempurnanya aspek infrastuktur dan logistik itu kini, bilangan kelulusan dan yang beroperasi akan terus bertambah.

"Momentumnya sudah ada, tunggulah, bilangan yang akan lulus dan beroperasi akan bertambah dari sekarang," katanya.

Nor Mohamed turut menegaskan untuk melahirkan usahawan berkualiti juga memakan masa kerana bakal usahawan itu perlu menjalani latihan seperti mengenai pelan perniagaan, urusan aliran tunai dan selok belok perniagaan.

"Alhamdulillah, setakat ini tiada yang gagal sebab kita tekankan aspek kualiti. Nampak tak banyak masalah," katanya.

"Apa yang penting adalah untuk memastikan syarikat-syarikat yang ditubuhkan dapat diurus dengan baik. Ini untuk memastikan syarikat-syarikat itu terus berkembang dari masa ke semasa," tambahnya.

Beliau berkata setiap peruncit di bawah skim Prosper perlu mencapai pendapatan bersih sekurang-kurangnya di antara RM3,000 dan RM5,000 sebulan.

Mohd Nasir berkata PUNB mensasarkan 100 permohonan dapat diluluskan hingga hujung tahun ini dan bercadang melahirkan 250 usahawan Prosper tahun depan.

Beliau juga berkata di antara 15 dan 20 permohonan akan diluluskan setiap bulan. -- BERNAMA

LES OS